

# Akademika

Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan

*Journal of Social Science and Humanities*

Bilangan  
Number **49**

ISSN 0126-5008

Julai  
July **1996**

Jati diri Wanita Melayu Singapura / 3

KAMSAH ABDULLAH

Pengaruh Siam dan Buddha Terhadap Sistem  
Kepercayaan Tradisional Orang Melayu Kelantan / 23

MOHAMED YUSOFF ISMAIL

Kapitalisme, ILO dan Sistem Hubungan Perusahaan  
dalam Abad ke Dua Puluh: Pandangan Selatan / 39

KAMARUDDIN M. SAID

Paradigm Shift: Malaysia's Development Plans / 67

RAHIMAH A. AZIZ

Relationships between Visibility and Selected Air  
Pollutants in the Klang Valley / 83

JAMAL HISHAM HASHIM

ZAILINA HASHIM

AZMAN ZAINAL ABIDIN

Socio-Economic Status, Home Environment and  
Preschool Children's Mental Abilities / 95

ROZUMAH BAHARUDIN

ROHANI ABDULLAH

YEW SAW BEE

Risk, Exposure and Vulnerability to Flood Hazards in a Rapidly  
Developing Country: The Case of Peninsular Malaysia / 107

CHAN NGAI WENG

The Special Collection in UKM Library:

The Schacht Collection / 137

DING CHOO MING



## Jati diri Wanita Melayu Singapura

KAMSIAH ABDULLAH

### ABSTRAK

*Dalam konteks perubahan pesat negara Singapura menuju kecemerlangan bertaraf dunia dalam pelbagai bidang, wanita Melayu telah menempa satu bentuk jati diri yang utuh dan unik meskipun terpaksa menangani pelbagai cabaran serta hambatan dalam pelbagai persoalan termasuk sosial dan ekonomi. Berbanding dengan empat dekad yang lalu, mereka kini menjadi tiang seri utama masyarakat Melayu dan memainkan peranan yang bererti dalam sektor ekonomi negara. Faktor utama sebagai penggerak kemajuan wanita Melayu ialah perubahan persepsi dan peluang pendidikan untuk anak-anak perempuan, di samping itu terdapat juga lain-lain faktor sosioekonomi yang menjadi sebagai mangkin yang mempercepat pembentukan satu identiti wanita Melayu yang moden dan dinamik. Selain dari mengenengahkan ciri-ciri jati diri wanita Melayu Singapura, kertas kerja ini menyelitikan beberapa data perbandingan tentang corak kekeluargaan, pendidikan dan kegiatan ekonomi di antara wanita Melayu dengan wanita Singapura dari kaum lain, dan di antara wanita Melayu Singapura dengan kaum lelakinya. Pengenaln, kesan dan implikasi beberapa polisi pemerintah hasil dari keperihatinan tentang isu-isu berkenaan wanita di negara itu juga diulas.*

### ABSTRACT

*The multiracial character of Singapore consist of a Chinese majority of more than 76% of its entire population, 14% Malays and the rest, a combination of Indians, Eurasians and Arabs. The Malays, the largest minority group, practice a religion and observe customs that are very different from the rest of the population. This has resulted in racial boundaries which are based on culture and religion. The cultural and religious differences between the races have also resulted in a distinct identity for Singapore Malays nationally, and in the shared social, economic and political domains with the non-Malays. All this, in a small country, can not only result in unity or disinity between the races, but it can also affect the racial boundary between the Malays and non-Malays.*

## PENDAHULUAN

Masyarakat Singapura merupakan suatu masyarakat majmuk dengan majoriti bangsa Cina yang melebihi 76% daripada seluruh penduduk dan kaum-kaum minoriti seperti Melayu, India, Serani, Arab dan lain-lain. Kaum Melayu yang merupakan golongan minoriti yang terbesar, iaitu 14.1% daripada penduduk mengikut laporan Census 1990, mengamalkan kebudayaan dan agama yang berbeza dari apa yang dianuti kaum majoriti dan sebahagian besar dari kaum minoriti lainnya. Hakikat ini menyebabkan sempadan kaum yang berdasarkan budaya dan agama agak jelas dan kukuh.

Perbezaan agama dan budaya ini telah melahirkan suatu bertukar jati diri yang unik bagi masyarakat Melayu di Singapura walaupun dalam arus kehidupan nasional, perkongsian persekitaran sosial, ekonomi dan politik yang sama, dalam sebuah negara yang kecil, boleh mewujudkan ciri-ciri persepaduan ataupun peleburan ciri-ciri pembeza, yang boleh melenturkan tembok pemisah antara bangsa Melayu dengan kaum-kaum lain.

### JATI DIRI MELAYU - ISLAM - SINGAPURA

Jati diri masyarakat Melayu Singapura berlandaskan tiga tiang seri utama iaitu Melayu, Islam dan Singapura (M - I - S) . Dari segi keturunan mereka mewarisi ciri-ciri etnik Melayu, sama dengan bangsa Melayu lain di Malaysia, Indonesia, Brunei dan lain-lain. Sebagai penganut agama Islam, mereka adalah anggota suatu golongan ummah yang begitu besar meliputi umat Islam di seluruh dunia; seterusnya sebagai warga negara Singapura pula mereka mempunyai pengalaman, harapan dan wawasan yang serupa dengan komuniti lain di Republik ini.

Namun wanita Melayu - Islam - Singapura juga mempunyai jati diri yang tersendiri dan unik. Ia berbeza dengan kaum-kaum lain di Singapura yang mengalami persekitaran sosial, ekonomi dan politik yang serupa, dan berbeza pula dengan wanita-wanita Melayu dari negara lain meskipun mereka menganuti agama dan budaya yang sama. Sebagai warga Singapura, mereka adalah unit-unit yang turut serta dalam pembentukan suatu jati diri ke Singapura, sama ada ia sudah wujud, ataupun masih dalam proses pengwujudan. Dalam masa yang sama, oleh kerana mereka tergolong dalam kumpulan minoriti Melayu yang berbudaya lain dari golongan majoriti, tentu terdapat unsur-unsur kelainan dan desakan yang bercapah dari identiti nasional itu. Keadaan menjadi bertambah rumit apabila para individu ini termasuk juga dalam satu jaringan 'ummah' jagat raya yang beridentiti Islam. Hanya sejauh

manakah tarikan ataupun tekanan setiap unsur tidak dapat dipastikan secara substansif. Yang pasti ialah berlakunya perubahan dalam masyarakat: perubahan yang nyata (seperti tampak fizikal) atau tersembunyi (seperti apa yang berlaku dalam minda).

## FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBENTUK JATI DIRI WANITA MELAYU

Dalam arus perubahan selama lebih tiga dekad selepas kemerdekaan, masyarakat Melayu telah menjadi lebih heterogen dari segi nilai dan gaya hidup. Begitu juga wanita Melayu kini, mereka adalah anggota masyarakat yang moden, aktif dan canggih. Mereka menjadi tiang seri utama masyarakat Melayu dan memainkan pelbagai peranan sosial yang luas dan bererti dalam sektor ekonomi negara. Wanita Melayu telah mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang dan faktor utama sebagai penggerak kemajuan mereka ialah pendidikan khususnya perubahan sikap dan persepsi masyarakat Melayu terhadap pendidikan untuk anak-anak perempuan. Selain pendidikan, perkara-perkara yang berkaitan dengannya adalah literasi, kebolehan dwibahasa, perubahan sosial dan kesedaran sektor pengeluaran negara yang merupakan faktor penting yang mencirikan perubahan itu.

Seterusnya, dalam kajian ini keunikan jati diri hasil dari kerencaman faktor-faktor tadi yang saling berkaitan antara satu sama lain akan diteliti menerusi tiga domain, dari yang paling hampir iaitu alam peribadi, kepada alam rumah tangga dan keluarga hingga akhir sekali penglibatan wanita Melayu dalam ekonomi negara.

### ALAM PERIBADI

Dalam domain peribadi akan dibincangkan faktor agama, pendidikan, bahasa dan literasi.

#### AGAMA

Agama adalah tunjang terpenting yang sangat berharga dalam penerapan nilai hidup seorang Melayu. Walaupun selama beberapa dekad lepas, boleh dikatakan wajah Singapura telah berubah corak dengan pesatnya dalam segala aspek kehidupan, dari keadaan fizikal hingga ke nilai pembentuk komunitinya, tetapi dalam hal agama, masyarakat Melayu masih kukuh dalam penghayatan kepercayaan Islamnya. Pada tahun 1990 sebanyak 15.4% daripada penduduk Singapura beragama Islam dan dari jumlah yang seramai 346,200 orang

ini, 297,500 adalah orang-orang Melayu. Selanjutnya 99.7% daripada orang Melayu iaitu, 150,300 lelaki dan 147,200 orang perempuan beragama Islam. Dengan hampir semua orang Melayu ini beragama Islam, tidak hairanlah jika apa sahaja perubahan besar ataupun kecil yang berlaku dalam masyarakat Islam sejagat, misalnya tentang kebangkitan Islam, persepsi buruk dunia Barat terhadap Islam dan lain-lain, dengan sendirinya mempengaruhi persepsi, sikap dan wawasan bangsa Melayu; dan ini tentu sekali termasuk kaum wanitanya.

Hak asasi wanita Islam Singapura diiktiraf melalui Akta Pentadbiran Perundangan Islam (AMLA) yang dikuatkuasakan pada tahun 1966. Melalui akta ini mereka boleh mendapat perlindungan hak seperti yang termaktub dalam hukum Islam melalui kuasa Mahkamah Syariah dan Majlis Agama Islam Singapura (MUIS) yang mentadbir soal-soal perkahwinan, perceraian, tuntutan nafkah, pembahagian harta pusaka, hak penjagaan anak, pengurusan dan penentuan nafkah dan sebagainya, mengikut lunas-lunas perundangan Islam. Orang-orang Islam yang berkahwin dan berdaftar melalui MUIS atau Mahkamah Syariah adalah dibawah kuasa Akta Islam, tetapi terdapat sekelumit wanita berketurunan Melayu yang berkahwin secara berdaftar dengan Mahkamah Sivil.

#### LITERASI

Kemajuan sesebuah masyarakat dapat diukur melalui ramainya bilangan penduduk yang literat. Kadar literasi bagi semua kaum di Singapura telah meningkat tahun demi tahun. Seajar dengan perkembangan ini, masyarakat Melayu juga telah turut memperbaiki kedudukan mereka. Pada tahun 1990 didapati purata orang-orang Melayu yang literat ialah 91.1%, lebih tinggi dari orang-orang Cina, 89.5% tetapi lebih rendah sedikit dari orang-orang India dan tahap literasinya mencapai 92.5%. Jika diukur kemajuan literasi di kalangan masyarakat Melayu sahaja peningkatan ini lebih tinggi lagi. Dalam tahun 1980, hanya 86.7% sahaja orang-orang Melayu yang tahu membaca dan menulis, tetapi kini telah mencapai lebih dari sembilan puluh peratus. Seterusnya apabila diperhalusi data ini bagi kaum wanita dan lelaki Melayu ternyata peratusan lelaki Melayu yang literat lebih tinggi kerana 96.7% dari mereka yang literat sedangkan hanya 86.53% sahaja daripada jumlah wanita Melayu yang berkeadaan begitu. Walaupun demikian, kemajuan terbesar dicatat oleh kaum wanita. Jadual 1 memberikan perangkaan yang berkenaan.

JADUAL 1. Kadar literasi penduduk berumur 10 tahun ke atas  
(angka dalam ribuan)

Literat dalam Bahasa	Semua Penduduk			Melayu		
	Semua	Lelaki	Perempuan	Semua	Lelaki	Perempuan
Jumlah	2,253.9	1,129.3	1,124.6	298.4	150.7	147.7
Tidak literat	222.4	50.3	172.1	24.8	4.9	19.9
Literat	2,031.4	1,078.9	952.5	273.6	145.8 (3.25%)	127.8 (13.47%)
Literat dlm satu bahasa	1,089.6	582.0	507.6	81.8	38.1 (32.1%)	43.7 (38.6%)
Literat dlm satu bahasa (Melayu)	75.9	34.2	41.7	70.6	32.1 (21.3%)	38.6 (26.24%)
Literat dlm 2 bahasa	922.7	485.4	437.4	190.2	107.0 (71%)	83.2 (56.33%)
Literat dlm bahasa Inggeris - Melayu	235.2	132.0	103.2	188.9	106.2 (70.33%)	82.7 (55.99%)
Literat dlm Tiga Bahasa	19.1	11.6	7.5	1.6	0.7 (0.005%)	0.9 (0.051%)

Nota: peratusan berdasarkan 10% dari sampel Banci Tahun 1990.

Jadual di atas menunjukkan peratus bagi lelaki dan wanita Melayu yang literat dalam dua bahasa, kebanyakannya meliputi bahasa Melayu dan Inggeris, juga menunjukkan ciri yang sama. Terdapat 71% dari lelaki Melayu yang literat dalam dua bahasa sedangkan hanya 56.33% bagi wanita dalam berkebolehan demikian. Begitu juga pada keseluruhannya peratus lelaki yang tahu membaca dan menulis dalam satu bahasa (bahasa Melayu) lebih tinggi dari wanitanya.

#### BAHASA

Sesuatu kaum biasanya dikenali melalui bahasanya, bahasa adalah unsur identiti yang paling penting. “Bahasa menunjukkan Bangsa” dan bahasa merupakan “jiwa bangsa”. Selepas kemerdekaan, suatu perubahan yang besar telah berlaku dalam persekitaran bahasa di Singapura. Bahasa Inggeris, muncul sebagai bahasa paling dominan dan digunakan dalam hampir semua aspek kehidupan. Perubahan ini telah menjejaskan corak penggunaan bahasa pelbagai kaum, termasuk orang-orang Melayu. Walaupun ini tidak menampakkan perubahan signifikan dari segi pemakaian bahasa, khususnya, mereka masih mengekalkan bahasa ibundanya, tetapi perubahan sikap dan persepsi tetap ada.

Statistik tentang penggunaan bahasa dalam rumah tangga pelbagai kaum di Singapura yang berdasarkan 10% dari jumlah Banci Penduduk

JADUAL 2. Bahasa utama dalam rumah tangga pelbagai kaum di Singapura

Bahasa	Tahun 1980	1990
<b>Rumah Tangga Cina</b>		
Inggeris	10.2 %	20.6 %
Mandarin	13.1	32.8
Dialek-dialek Cina	76.2	46.2
Lain-lain	0.5	0.4
<b>Rumah Tangga Melayu</b>		
Inggeris	2.3	5.5
Melayu	96.7	94.3
Lain-lain	1.0	0.2
<b>Rumah Tangga India</b>		
Inggeris	24.3	34.8
Melayu	8.6	13.5
Tamil	52.2	43.7
Lain-lain	14.9	8.0
<b>Semua Rumah Tangga</b>		
Inggeris	11.6	20.3
Mandarin	10.2	26.0
Dialek-dialek Cina	59.5	36.7
Melayu	13.9	13.4
Tamil	3.1	2.9
Lain-lain	1.7	0.7

\* berdasarkan 10% dari sampel.

Tahun 1990, menunjukkan penggunaan Bahasa Inggeris telah meningkat di kalangan semua kaum termasuk Melayu. Di dalam rumah tangga Melayu, 94.3% masih menggunakan bahasa Melayu, tetapi ramai yang menggunakan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris. Peratusan penggunaannya telah meningkat dari 2.3% pada tahun 1980, kepada 5.5% pada tahun 1990. Dalam Jadual 2, perubahan penggunaan bahasa dalam rumah tangga pelbagai kaum di Singapura, ditunjukkan. Ia memperlihatkan pengekalan bahasa ibunda paling kukuh di kalangan rumah tangga Melayu, tetapi penggunaan bahasa Inggeris telah meningkat walaupun peningkatan ini paling kecil. Bagaimanakah penggunaan bahasa di kalangan wanita Melayu?

Pola penggunaan bahasa secara terperinci menunjukkan perubahan yang lebih besar berlaku di kalangan wanita Melayu dari lelaki Melayu walaupun kedua-dua golongan merupakan pengguna bahasa Melayu yang mantap (94.14% lelaki dan 93.6% wanita Melayu yang berumur lebih daripada 5 tahun merekodkan mereka paling kerap menggunakan bahasa Melayu di rumah). Dalam hal bahasa Inggeris yang telah



menyerap masuk di rumah-rumah Melayu, penggunaan bahasa wanita Melayulah yang paling signifikan perubahannya, dengan 6.23% daripada mereka menggunakan bahasa tersebut. Satu perubahan yang besar memandangkan hanya pada tahun 1960 an, barulah ramai anak-anak perempuan Melayu menerima pendidikan Inggeris secara beramai-ramai. Awal daripada ini, di kalangan mereka yang dalam lingkungan umur tua pula dapat diperhatikan bahawa lebih ramai lelaki Melayu yang menggunakan bahasa Inggeris kerana lebih banyak anak lelaki yang bersekolah Inggeris. Ini akibat tradisi mengutamakan pelajaran untuk anak lelaki, dan "anak perempuan sepatutnya diajar menguruskan rumah tangga sahaja".

Pentingnya kedudukan dan pengaruh wanita di rumah dapat ditunjukkan melalui keadaan pola penggunaan bahasa di rumah yang telah mengalami perubahan akibat dari tahap literasi wanita moden yang lebih muda. Meskipun bilangan lelaki yang literat melebihi wanita Melayu tetapi wanita lebih berpengaruh dan lebih menjejaskan penggunaan bahasa orang-orang di sekelilingnya (misalnya anak-anak). Hanya apabila wanita sendiri menjadi dwibahasa atau dwiliterat, barulah pemakaian bahasa di rumah terjejas dan bilangan penutur Inggeris dalam masyarakat juga semakin bertambah. Bandingkan dengan keadaan terdahulu kaum bapa sahaja yang bersekolah Inggeris, tetapi ibu tidak. Bahasa paling kerap digunakan di rumah masih tetap bahasa Melayu. Ada kemungkinan trend ini disebabkan interaksi yang lebih kerap di antara ibu dengan anak-anak daripada bapa, kerana ibu mempunyai lebih banyak masa di rumah.

Peratusan lebih tinggi bagi kaum wanita yang menggunakan bahasa Inggeris dilihat juga dalam masyarakat Cina. Bagi mereka, termasuk juga satu faktor lain iaitu bahasa Mandarin yang digalakkan oleh pemerintah sebagai pengganti dialek-dialek Cina yang lain. Nampaknya kaum wanita Cina lebih cenderung menggunakan bahasa yang digalakkan oleh pemerintah (seperti Inggeris dan Mandarin) dari lelaki Cina. Mungkin wanita lebih peka dan "akur" (conform) terhadap arus rasmi pemerintah berbanding kaum lelaki.

Wanita Melayu, terutama mereka yang berpendidikan, juga memperlihatkan keupayaan dan kecenderungan menggunakan bahasa Inggeris, nampaknya mereka juga lebih berpengaruh dan lebih cepat mengubah corak penggunaan bahasa dari lelaki Melayu. Kesan kedwibahasaan yang lebih penting mungkin ialah keyakinan dan keupayaan yang dapat dinikmati oleh wanita ini, dua sifat yang membolehkan mereka merebut peluang-peluang pekerjaan kerana bahasa itu yang digunakan dalam semua bidang.

## PENDIDIKAN

Ciri yang tidak kurang pentingnya dalam menunjangi identiti wanita Melayu Singapura ialah bentuk dan taraf pendidikan. Taraf dan bentuk pendidikan yang mereka terima sejajar dengan kaum lelaki. Kemajuan wanita Melayu dalam pendidikan amat terserlah. Memang benar seperti kata-kata mutiara yang dikemukakan oleh Dr. Napitupul, Bapa Pembasmian Buta Huruf di Indonesia; *"If you educate a man, you educate a person, but if you educate a women you educate a whole family"*. Bahkan kemajuan pendidikan wanitalah yang telah banyak mengubah corak kehidupan masyarakat Melayu pada keseluruhannya.

Sebelum Perang Dunia Kedua, anak perempuan jarang diberi peluang belajar di sekolah-sekolah sekular, bahkan anggapan seperti yang tertulis dalam laporan pelajaran Melayu menunjukkan perangkaan yang begitu mengecewakan tentang pelajaran wanita. Selepas perang Dunia Kedua pula, sekolah-sekolah sekular kembali berkembang dengan pesat. Sebahagian besar disebabkan ramainya bilangan murid-murid perempuan yang masuk ke sekolah-sekolah Melayu. Perkembangan ini tidak pernah surut, bahkan kepesatan pendidikan anak-anak perempuan Melayu berlangsung terus menerus, tahun demi tahun lebih ramai meneruskan persekolahan ke tahap yang lebih tinggi. Kemudian, dengan tertubuhnya sekolah-sekolah Menengah Melayu (pada tahun 1960-an), maka semakin ramailah murid perempuan merebut peluang mendapatkan pendidikan menengah. Kini kebanyakan dari mereka yang termasuk dalam kohort ini kini tergolong dalam lingkungan umur di antara 40 dan 50 tahun.

Kemajuan pendidikan wanita khususnya, tidak terhenti dengan terkuburnya sekolah-sekolah aliran Melayu pada tahun 1973. Ibu bapa bersifat lebih terbuka, anak-anak perempuan didaftarkan ke sekolah-sekolah Inggeris secara langsung dan dengan itu tahap pendidikan penuntut perempuan Melayu meningkat dari satu tahap ke satu tahap yang lebih tinggi. Ramai pula yang meneruskan pengajian di maktab-maktab rendah dan politeknik. Pada tahun-tahun kebelakangan ini bukan sahaja universiti tempatan mula menerima bilangan mahasiswa wanita Melayu dengan lebih ramai, bahkan ramai pula anak-anak gadis Melayu yang dibiayai ibubapa masing-masing untuk melanjutkan pelajaran tinggi di seberang laut.

Jumlah pukal para mahasiswa Melayu di universiti tempatan memang tidak pernah mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan. Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong baru-baru ini mendedahkan bahawa daripada kohort Darjah Satu pada tahun 1982, purata nasional yang berjaya masuk ke Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) ialah 18.5%, tetapi di

kalangan pelajar Melayu pula hanya 3.2% kohort Darjah Satu 1982 yang berjaya mencapai tahap itu. Begitu juga, peratus penuntut yang dapat masuk ke politeknik. Purata nasional ialah 34.7% tetapi bagi pelajar Melayu hanya 15.3% sahaja yang mendapat tempat di situ. Pelajar-pelajar Melayu dinasihatkan memusnahkan benteng psikologi dalam diri mereka sendiri dalam usaha mendapat gred yang lebih baik supaya lebih ramai dari kalangan mereka dapat melayakkan diri ke peringkat pendidikan tinggi.

Perasaan baik sangka terhadap kebolehan wanita Melayu dalam pelajaran dapat dibuktikan. Apabila dianalisis perbezaan pencapaian Melayu mengikut pembahagian jantina, (dari Banci awal tahun 1990), didapati dalam setiap 7 orang mahasiswa Melayu, 4 orang daripadanya ialah wanita. Pada peringkat pos menengah pula kadarnya adalah lebih kurang sama bagi lelaki dan perempuan, tetapi dalam peringkat sekolah menengah lebih ramai pelajar lelaki Melayu yang masuk di aliran Normal iaitu aliran bagi murid-murid yang kurang cerdas daripada ke aliran Ekspres, walaupun bilangan sebenar pelajar lelaki lebih ramai dari pelajar perempuan.

Jika dibuat satu penelitian di antara jaluran umur dengan pendidikan (Jadual 3), akan dapat dilihat bahawa dalam lingkungan umur 40-an ke atas, iaitu mereka yang memperoleh pendidikan universiti dari tahun 50-an sehingga 60-an, lebih ramai lelaki Melayu dari wanitanya. Hanya semenjak tahun 1980-an baru tren ini terbalik, iaitu bilangan siswazah wanita Melayu mengatasi lelaki. Mengapa berlaku demikian? Pada hemat saya, satu sebab yang jelas mungkin kerana

JADUAL 3. Tahap pendidikan penduduk Melayu yang berumur 10 tahun ke atas

Tahap	Jantina/ Lingkungan Umur	lebih								
		10-14	15-19	20-24	25-29	30-34	35-39	40-49	50-59	60
Jumlah	Lelaki	0.4	7.9	18.5	22.0	19.9	14.4	15.9	12.4	14.3
	Wanita	0.6	7.9	17.9	21.7	18.8	15.0	17.1	13.3	13.3
Bawah dari Sek. Men.	Lelaki	0.4	6.2	10.9	13.2	12.3	9.4	11.6	11.1	13.9
	Wanita	0.6	5.3	8.9	10.1	10.4	10.3	14.4	13.1	13.2
Sekolah Menengah	Lelaki	-	1.4	5.8	7.6	6.6	4.3	3.5	1.1	0.3
	Wanita	-	2.3	7.1	10.2	7.1	4.2	2.3	0.2	0.1
Menengah Atas	Lelaki	-	0.3	1.8	0.9	0.9	0.6	0.6	0.1	0.1
	Wanita	-	0.3	1.8	1.2	1.2	0.5	0.3	-	-
Universiti	Lelaki	-	-	0.1	0.2	0.1	0.1	0.2	0.1	-
	Wanita	-	-	0.1	0.3	0.2	0.1	0.1	-	-

\* peratusan berdasarkan 10% dari sampel Banci Tahun 1990.

pengluasan pendidikan yang pada awalnya diperuntukkan kepada lelaki, kemudian diluaskan pula kepada anak perempuan.

Sebab kedua mungkin kerana kesan dari polisi Perkhidmatan Negara yang diwajibkan kepada semua pemuda Singapura setelah mereka tamat persekolahan menengah atau pos menengah, sebelum mereka masuk ke universiti. Pertanggungan sementara selama dua tahun itu mungkin menyebabkan ramai pelajar Melayu yang berpotensi ke universiti, terutama mereka yang dari golongan keluarga berpendapatan rendah dan sederhana, menjadi tawar hati untuk melanjutkan pelajaran lalu terus mencari pekerjaan.

Adakah kebimbangan dan kegenjutan tersebut berlaku juga dalam masyarakat bukan Melayu, khususnya adakah lebih mahasiswi dari mahasiswa juga terjadi dalam lingkungan masyarakat Cina dan India? Kadar mahasiswa dan mahasiswi Cina didapati memperlihatkan tren yang sama dengan Melayu bagi peringkat universiti tetapi perbezaan peratus antara lelaki-perempuan tidak begitu besar (46.67% terdiri dari lelaki dan 53.67% perempuan). Pada peringkat menengah atas pula angkanya lebih baik, iaitu lebih ramai penuntut lelaki Cina dari perempuannya. Bagi penuntut India pula didapati satu keadaan yang seimbang iaitu 50% lelaki dan 50% perempuan dalam kedua-dua tahap / institusi pengajian tinggi.

Oleh itu persepsi wanita Melayu Singapura lebih berjaya dalam pelajaran dari lelakinya nampaknya beralasan. Puncanya mungkin dapat ditelusuri dari cara pemeliharaan anak lelaki dan perempuan dalam masyarakat Melayu yang mungkin mendorong anak-anak lelaki kepada gejala yang memalingkan mereka dari pembelajaran secara serius. Masalah yang berkaitan dengan siswazah wanita ini akan dibincang dengan lebih tuntas di bawah subtajuk rumah tangga dan keluarga.

## ALAM RUMAH TANGGA DAN KELUARGA

Ciri pemantap sesuatu komuniti ialah keluarga. Gambaran keluarga Melayu yang terdiri dari seorang ibu dan bapa yang mempunyai empat orang anak, tinggal di flat-flat Lembaga Perumahan Awam (HDB), memang lumrah. Di Singapura, unit keluarga masih mantap dan di antara tiga kaum yang terbesar di sini, keluarga Melayulah yang memperlihatkan keutuhan corak tradisi yang paling tinggi meskipun terdapat kebimbangan tentang masalah perceraian, ibu tunggal dan lain-lain yang bersangkutan dengan institusi keluarga.

Kadar kaum wanita Melayu yang tinggal bersendirian adalah paling kecil di antara ketiga-tiga kaum terbesar di Singapura, dalam lingkungan umur 15 - 29 tahun, hanya 0.7% yang tinggal bersendirian

berbanding dengan 6.3% Cina dan 2.4% India. Perangkaan bagi kaum wanita yang tinggal bersama keluarga berangkai iaitu yang tinggal dalam keluarga tiga generasi serumah (anak-anak, ibu, nenek) pula paling tinggi peratusnya, iaitu 25.7% berbanding dengan 21.7% untuk wanita Cina dan 22.8% bagi wanita India.

#### PERKAHWINAN

Perkahwinan yang menjadi asas ikatan dan kesahan keluarga merupakan institusi yang terus dikekalkan dalam masyarakat Melayu. Kadar wanita Melayu dalam lingkungan umur 30 - 39 tahun yang masih belum berkahwin hanya 12% pada tahun 1990, walaupun angka ini menunjukkan peningkatan dari 10% pada masa sepuluh tahun terdahulu. Kadar ini rendah jika dibandingkan dengan kadar nasional, 17.6% dan 18.7% bagi wanita Cina. Pertanggunghan perkahwinan bagi wanita ini mungkin disebabkan oleh aspirasi orang-orang muda untuk memperoleh pelajaran yang lebih tinggi sebelum berkahwin dan untuk memantapkan kedudukan ekonomi masing-masing sebelum berumah tangga.

Pada tahun 1970, peratus wanita Melayu yang berkahwin pada umur 25 tahun ke atas hanya 9%, ini meningkat kepada 13% pada tahun 1980 dan terus ke paras 18% pada tahun 1990. Peratusan ini sejajar dengan tren nasional yang tahap umur wanita pada masa berkahwin pada kali pertama semakin meningkat. Dari data perkahwinan mengikut Akta Islam, terdapat kenaikan pada tahap umur mula berkahwin dari 22.3 tahun pada tahun 1970 kepada usia 25.7 tahun pada tahun 1990. Kenaikan umur mula berkahwin ini paling mendadak bagi wanita Islam. Tidak silap jika dikatakan bahawa jika dibandingkan dengan wanita Singapura dari kaum-kaum yang lain, lebih ramai wanita Melayu yang berumah tangga, mereka berkahwin pada usia yang lebih muda (walaupun umur ini lebih 'tua' jika dibandingkan dengan wanita Melayu zaman dahulu), dan mereka mempunyai anak-anak yang ramai pula.

JADUAL 4. Purata umur perkahwinan pertama lelaki dan perempuan (melalui Akta Perkahwinan Islam)

	1970	1980	1990
Lelaki	27.7	27.3	28.9
Perempuan	22.3	23.8	25.7

Corak pimpinan rumah tangga, para suami lebih tua umurnya dari isteri dapat dilihat dari tahap umur semasa perkahwinan kali pertama. Jika pada tahun 1990 purata wanita Melayu berkahwin pada umur 25.7 tahun, bagi kaum lelaki pula umur mula berkahwin ialah 28.9 tahun. Tahap umur memperlihatkan tren umur yang semakin meningkat jika dibandingkan dengan dekad-dekad yang lalu, tetapi jika dibandingkan umur berkahwin lelaki Melayu dengan kaum-kaum lain, nampaknya mereka berkahwin pada usia yang lebih muda dari purata nasional, iaitu 29.8 tahun.

#### ISU PERKAHWINAN SISWAZAH WANITA

Pada awal tahun 1980-an masalah kaum wanita Singapura mendapat perhatian istimewa daripada Perdana Menteri pada ketika itu, iaitu Encik Lee Kuan Yew. Dalam satu ucapannya tentang masalah masa depan Singapura dan perlunya negara ini mengekalkan daya saing melalui pembangunan sumber manusia, beliau membentangkan satu kegenjutan dalam struktur kependudukan Singapura, di mana terdapat lebih ramai siswazah wanita dari lelaki di universiti setempat dan lebih ramai pula para wanita berijazah yang membujang. Sebaliknya menerusi statistik perkahwinan dan rumah tangga, didapati lebih ramai dari kalangan wanita yang tidak berpendidikan dan kurang berpendidikan yang berkahwin dan mempunyai bilangan anak yang lebih ramai pula. Pada pandangan beliau, tren ini jika berterusan akan menyebabkan berkurangnya 'mutu' rakyat Singapura masa akan datang kerana 'ibu yang berpelajaran tinggi lebih cenderung melahirkan anak-anak yang bijak', dan lagi, jika ramai di antara 'ibu yang berbaka baik' itu tidak mendirikan rumah tangga maka mutu rakyat Singapura dan dengan itu daya saing negara ini pada masa depan, mungkin akan terjejas.

Apa yang menarik dari keperihatinan ini, ialah timbulnya satu perdebatan hangat tentang isu-isu wanita yang berpendidikan tinggi yang berakhir dengan pengenalan beberapa polisi yang kontroversal, umpamanya polisi memberi keutamaan persekolahan kepada anak-anak yang beribukan seorang siswazah. Susulan dari ini mulalah diperkenalkan beberapa polisi untuk 'menarik' siswazah wanita berumah tangga misalnya:

1. Polisi memberi potongan cukai pendapatan kepada ibu bersiswazah yang mempunyai anak yang lebih dari dua orang.
2. Polisi meningkatkan tahap permulaan tangga gaji lelaki yang lulus dari universiti atau institusi pengajian tinggi.
3. Polisi mengutamakan lelaki dari wanita dalam beberapa kursus di universiti.

4. Penubuhan satu institusi khas untuk 'match-making' atau mencari jodoh bagi wanita berpelajaran tinggi yang dipanggil 'Social Development Unit' (SDU).

#### ISU PERKAHWINAN SISWAZAH WANITA MELAYU

Persoalan-persoalan di atas menunjukkan bagaimana eratnya perhubungan di antara isu kaum wanita dengan isu-isu nasional. Isu-isu seperti ini bukan sahaja mewarnai jati diri wanita Singapura amnya dan wanita Melayu Singapura khususnya, tetapi ia menjadi titik tolak dasar-dasar pemerintah dalam menangani isu-isu kemasyarakatan. Susulan dari pendedahan seperti itu, banyak persoalan lain khususnya persoalan yang berkaitan dengan kedudukan wanita Melayu, telah ditimbulkan. Misalnya:

1. Adakah benar wanita Melayu yang berijazah lebih ramai yang membujang dari yang berkahwin?
2. Adakah wanita Melayu yang berpelajaran rendah juga lebih cenderung untuk mempunyai anak yang lebih ramai dari mereka yang mempunyai pelajaran tinggi?
3. Apakah reaksi masyarakat Melayu terhadap khidmat mencari jodoh?
4. Setakat manakah khidmat tersebut jika digunakan, berjaya pula menemukan jodoh para siswazah wanita Melayu-Islam.

Untuk menjawab soalan-soalan itu, kita merujuk kepada taraf perkahwinan wanita berpelajaran tinggi yang ditimbulkan awal tadi. Dalam perangkaan nasional 42.4% dari wanita yang mempunyai pendidikan tertiar (universiti dan politeknik dalam tahun 1980) tidak berkahwin. Sepuluh tahun kemudian, meskipun isu ini mendapat liputan hangat, peratusannya semakin meningkat kepada 53.1 %. Di antara sebab yang utama, mengapa perkara ini berlaku ialah kecenderungan orang-orang muda untuk memilih pasangan yang setaraf dari segi pendidikan, dan kecenderungan kaum lelaki untuk "marry down" iaitu berkahwin dengan wanita yang lebih rendah dari mereka dari segi pendidikan. Ini menyebabkan ramai lelaki yang berpendidikan universiti memilih pasangan yang tidak berkelulusan universiti.

Bagi wanita Melayu yang berpendidikan universiti, permasalahan ini lebih meruncing kerana kegenjutan dalam kadar siswazah lelaki dan wanita. Pertama, lebih ramai siswazah wanita dari lelaki. Kedua, mungkin kerana siswazah lelaki lebih cenderung berkahwin dengan wanita yang lebih rendah taraf pelajarannya. Dengan demikian peluang perkahwinan bagi wanita Melayu yang berijazah semakin berkurangan.

Sebagaimana dinyatakan, pendedahan isu ini dalam peringkat nasional telah mencetuskan penubuhan Unit Pembangunan Sosial (SDU) yang memberi khidmat mempertemukan para bujang wanita dan lelaki melalui pelbagai acara dan program. Setelah lebih sepuluh tahun penubuhannya, nampaknya ia telah membuahkan hasil. Akan tetapi, penyertaan masyarakat Melayu amat rendah walaupun SDU telah menjalar di merata tempat dan telah membukakan pintunya kepada para lulusan sekolah menengah, bukan setakat kepada para siswazah sahaja. Bukan sahaja SDU tidak begitu berjaya menarik golongan bujang Melayu untuk “mendirikan masjid”, bahkan khidmat “match-maker” Melayu yang secara tradisi memang tidak begitu kukuh juga amat berkurangan kerana orang-orang muda lebih gemar mencari jodoh atas dasar ‘suka sama suka’. Gejala ini mungkin payah untuk ditangani selagi kegenjutan di antara pencapaian (atau persepsi tentang pencapaian) wanita dan lelaki Melayu yang di dalam jalur persekolahan “ekspres-tinggi” belum di atasi.

#### PENJAGAAN ANAK-ANAK

Peranan wanita yang utama sebagai ibu yang membela anak-anak di rumah paling kukuh dalam masyarakat Melayu. Seramai 72.4% daripada ibu-ibu Melayu menjaga anak masing-masing, satu peratusan yang tertinggi jika dibandingkan dengan ibu-ibu Cina 61.6% dan ibu-ibu India, 66.6%. Begitu juga peratus nenek-nenek yang menjaga cucu dalam masyarakat Melayu, adalah yang tertinggi sekali mungkin kerana hanya 1.3% anak-anak Melayu yang berumur di bawah 12 tahun yang dibela oleh pembantu rumah. Ini pula merupakan peratus yang paling rendah (Census 1990 10% dari sampel).

Begitu juga purata bilangan anak yang dilahirkan bagi setiap wanita yang pernah berkahwin ialah 3.4 orang bagi wanita Melayu (turun dari tahun 1980, purata 3.9 orang anak). Purata ini tinggi sedikit dari wanita-wanita Cina yang puratanya melahirkan 2.9 orang anak pada tahun yang sama iaitu 1990. Keseluruhan tren bagi kesemua kaum di Singapura menunjukkan kecenderungan mempunyai anak yang sedikit. Tren mempunyai anak yang kecil bilangannya ini lebih nyata bagi wanita yang berpendidikan tinggi. Semakin tinggi pendidikan seseorang wanita Melayu maka semakin berkurangan bilangan anak mereka. Di kalangan wanita Melayu yang tidak mempunyai pendidikan, didapati 79% mempunyai lebih dari tiga orang anak. Ini berbanding dengan hanya 17% dari wanita yang mempunyai pendidikan lanjutan yang mempunyai bilangan anak yang sama.

Struktur kekeluargaan yang mantap bagi keluarga Melayu ini menggambarkan bagaimana kuatnya imej dan pengaruh ibu dalam



sebuah keluarga. Ini sejajar dengan peranan tradisi seorang wanita. Perubahan pesat dalam taraf pendidikan wanita, kegiatan ekonomi mereka dan sumbangan mereka dalam hal-hal di luar rumah tangga tidak menggugat peranan dan tanggungjawab mereka yang asasi. Satu penyelidikan dari latihan akademik yang dijalankan ke atas para siswazah wanita Melayu di NUS menunjukkan 96.7% mengakui perkahwinan adalah satu keperluan hidup. Daripada jumlah ini 40% mengutamakan kestabilan kerjaya sebelum mahu menimang anak, 26.7% mahu mempunyai anak dahulu tetapi 33.3%, satu angka yang besar, sanggup berhenti kerja jika perlu, untuk menjaga anak (Fadilah Hassan 1992).

Walau bagaimana pun beban wanita dalam urusan rumah tangga dan anak-anak memperlihatkan satu gejala baru. Kaum bapa lebih bersedia bekerjasama dengan isteri di rumah dalam pengasuhan anak-anak. Dalam tinjauan tentang Kehidupan Keluarga 1987, yang diterbitkan oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat didapati lebih kurang separuh daripada sampel berkongsi sama dalam mendisiplinkan anak mereka dan 45% bersama-sama merawat anak-anak mereka yang sakit. Adalah wajar jika dikatakan bahawa tempoh ketidakhadiran bapa atau 'absentee father' dalam masyarakat hari ini semakin diganti dengan peranan yang lebih egalitarian di antara para isteri dan suami dalam hal-hal pengasuhan anak.

#### PERCERAIAN

Perceraian juga adalah masalah yang sejajar dengan cara hidup yang semakin terdedah kepada cabaran. Beralih pada persoalan ini, perangkaan banci tahun 1947 hingga 1990 untuk semua kaum menunjukkan secara konsisten bahawa bilangan kaum wanita yang telah menjanda lebih tinggi dari lelaki. Mungkin buruk sangka terhadap wanita yang telah menjadi janda lebih menebal, menyebabkan bilangan mereka yang berkahwin semula agak berkurangan dari lelaki.

Jika ditinjau dari data untuk tahap pendidikan lelaki dan wanita yang bercerai, didapati di kalangan mereka yang mempunyai pendidikan rendah 15.5 orang dari setiap 1,000 orang bercerai, berbanding dengan 6.4 perceraian di kalangan mereka yang mempunyai pendidikan pos menengah.

Kadar perceraian wanita Melayu yang bertaraf warganegara dan penduduk tetap yang sebanding pula ialah 21.5 orang dari setiap 1,000 orang yang tidak berpendidikan, 26.7 orang dari setiap 1,000 orang yang mempunyai pendidikan rendah, 21.6 orang dari 1,000 orang yang mempunyai pendidikan menengah dan 17.5 orang bagi setiap 1,000 yang berpendidikan pos menengah. Kadar keruntuhan rumah tangga bagi

wanita Melayu yang berpendidikan tinggi ini, meskipun lebih rendah dari golongan wanita Melayu lain, adalah yang paling tinggi jika dibandingkan dengan kadar perceraian pada peringkat nasional bagi wanita yang berpendidikan setara (iaitu tertiar). Hanya 6.4 orang sahaja dari 1,000 orang wanita yang mengalami perceraian. Perangkaan ini memberi suatu bayangan tentang kesulitan tambahan yang mungkin dibebani wanita Melayu yang berpendidikan tinggi untuk terus memantapkan rumah tangga mereka. Faktor-faktor ini harus dikenal-pasti supaya sokongan yang sewajarnya dapat diberi untuk kumpulan tersebut.

### ALAM DI LUAR RUMAH TANGGA

Dari alam rumah tangga dan keluarga kita keluar kepada alam yang lebih luas, khususnya perkara-perkara yang kena mengena dengan kejiranan, kenegaraan dan mungkin juga sejagat. Dunia wanita Melayu tidak terbatas di rumah sahaja. Satu ciri pemodenan yang mungkin bersangkutan dengan pendidikan wanita Melayu kini yang secara relatif lebih tinggi dari wanita Melayu dahulu, ialah alam pekerjaan. Memang sejak akhir kurun yang ke 19 sudah terpahat nama seorang wanita Melayu yang kaya raya dalam menjalankan kegiatan perniagaan, iaitu Hajah Fatimah, pewakaf sebuah masjid di Beach Road. Beliau merupakan suatu kekecualian yang unggul, bukan suatu contoh umum bagi wanita Melayu yang kebanyakannya menjadi 'orang rumah' dan tidak aktif dalam kegiatan ekonomi. Sebagaimana didedahkan lebih awal, penglibatan wanita Melayu dalam hal ekonomi dan siasah hanya menjadi signifikan setelah mereka mendapat pendidikan sekular. Pendidikan memberi mereka 'kuasa' dan keyakinan mengembangkan sayap ke pejabat-pejabat dan gedung-gedung perniagaan yang begitu banyak. Fenomena ini bertambah dengan pengindustrian dan pembukaan kilang-kilang elektronik dapat menarik wanita Melayu dari pelbagai golongan dari sempadan rumah tangga mereka.

### PEKERJAAN

Penglibatan wanita Melayu dalam dunia pekerjaan agak baik walaupun hanya 12.5% pekerja terdiri dari wanita Melayu sedangkan peratus penduduk wanita Melayu ialah 14.1%. Bilangan wanita Cina yang bekerja lebih ramai - hampir mencapai peratus penuhnya. Di kalangan wanita Melayu yang bekerja, 53.31% bekerja sebagai pekerja pengeluaran / kilang, 25.23% dalam kerja-kerja perkeranian, 11.52% kerja-kerja penjualan dan perkhidmatan. Hanya 9% dari wanita Melayu yang mempunyai pekerjaan bekerja sebagai karyawan (profesional). Keku-

rangan yang paling ketara ialah wanita yang memegang jawatan pengurusan dan pentadbiran, apa lagi mereka yang berkecimpung dalam usaha niaga hanya segelintir sahaja.

Lazimnya dalam sesebuah masyarakat, wanita mudalah yang lebih cenderung untuk bekerja. Perangkaan seluruh rakyat Singapura menunjukkan dalam lingkungan umur 20-24 tahun, 82.6% daripada wanita bekerja, umur 25-29 tahun 75.6% yang bekerja, umur 30-34 terdapat 61.9% wanita yang bekerja, umur 35-39, 56% dan seterusnya menurun hingga lingkungan umur 50 tahun, 21.2% daripada mereka bekerja. Tren keseluruhannya menunjukkan lebih ramai wanita muda dari yang berumur menjadi pekerja. Walau bagaimanapun, Ann Wee (1993) yang menulis pemerhatiannya tentang wanita-wanita yang berumur, pernah mendapati bahawa berbeza dengan wanita Cina, jika terdapat seorang wanita muda dan seorang yang tua dalam sebuah keluarga yang memerlukan wanitanya bekerja, wanita yang lebih muda itulah yang bekerja. Dalam keluarga Melayu, sebaliknya yang berlaku, iaitu wanita yang lebih tua itu yang keluar bekerja sementara yang muda tinggal membela anaknya. Perkara ini tentunya memerlukan penelitian yang lebih halus dan mendalam.

Yang jelas ialah perihalan yang bersandar pada data penglibatan wanita dalam alam pekerjaan di luar rumah telah bertambah dengan pesatnya.

#### KEGIATAN EKONOMI

Bagi seluruh penduduk Singapura pula, wanita yang aktif dari segi ekonomi juga telah meningkat dari 39.3% pada tahun 1980 kepada 41.6% pada tahun 1990. Daripada angka seluruh jumlah pekerja Singapura, didapati hanya 11.1% pekerja terdiri dari wanita Melayu, 75.3% Cina dan 6.9% India (Lihat Jadual 5).

Siapakah wanita Melayu yang memberi sumbangan ekonomi yang begitu besar untuk keluarganya? Kebanyakan dari mereka mempunyai pendidikan menengah. Perangkaan nasional: 6.42% tidak bersekolah, 10.23% lebih rendah dari primary, 11.65% primary, 16.87% menengah rendah, 36.17% menengah, 10.04% menengah atas, 2.78% politeknik dan 5.84% universiti.

Di kalangan wanita Melayu yang sudah berkahwin pula hampir separuh dari mereka yang bekerja, selebihnya menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Peratus ini adalah yang tertinggi di antara ketiga-tiga kaum, hanya 48.1% wanita Cina dan 49.2% wanita India yang sudah berkahwin aktif dari segi ekonomi. Ini menunjukkan betapa besarnya perubahan dalam struktur penghidupan masyarakat Melayu berbanding dengan empat dekad yang lalu. Perubahan ini tentu menuntut banyak

JADUAL 5. Peratus kegiatan ekonomi wanita di antara kumpulan bangsa 1990

	Cina	Melayu	India	Lain-lain	Jumlah
Aktif dlm. Ekonomi	75.3%	11.1%	6.9%	6.7%	100.0%
Bekerja	75.3	11.0	6.9	6.8	100.0
Sebagai Majikan	90.6	4.3	3.8	1.4	100.0
kerja sendiri	88.9	6.0	3.9	1.3	100.0
pekerja	74.1	11.5	7.2	7.2	100.0
pekerja tak bergaji	92.7	4.0	2.6	0.8	100.0
Tak Bekerja	75.0	14.7	8.4	1.9	100.0
pernah bekerja	76.2	14.5	7.3	2.0	100.0
tak pernah bekerja	67.4	15.9	15.2	1.5	100.0
Tidak Aktif	77.4	13.6	6.3	2.6	100.0
bekerja di rumah	74.8	15.6	6.8	2.9	100.0
pelajar	80.3	11.6	6.1	2.1	100.0
lain-lain	81.3	10.8	5.2	2.7	100.0
Jumlah	76.5	12.5	6.6	4.5	100.0

\* peratusan berdasarkan 10% dari sampel Banci Tahun 1990.

masalah sosial dan orientasi untuk penyesuaian bagi mewujudkan satu masyarakat yang mantap.

## KESIMPULAN

Telah dikemukakan beberapa perangkaan dan alasan yang memberi indikasi persekitaran sosial yang mungkin mempengaruhi bentuk jati diri wanita Melayu Singapura. Pendidikan menjadi jentera yang meningkatkan taraf sosial dan penglibatan wanita Melayu dalam kemaslahatan ekonomi. Pendidikan juga telah merombak kerangka fikiran lama terhadap wanita Melayu. Mereka kini telah menempa kehadirannya dalam bidang-bidang yang secara tradisi didominasi kaum lelaki, bahkan ada tanda-tanda yang menunjukkan kewibawaan wanita Melayu khususnya dalam pelajaran, lebih menyerlah dari lelaki dan ini menimbulkan masalah yang unik pula.

Sebagai ummah Islam yang berjumlah berbilion orang, mereka perlu memperkuat identiti keislaman melalui keimanan dan amalan mereka. Sebagai warga negara Singapura, mereka harus menerima nilai-nilai murni negara kosmopolitan berbilang kaum yang berlandaskan budaya kaum majoriti. Sebagai anggota masyarakat Melayu pula, mereka perlu

melestarikan budaya, adat resam dan nilai yang disanjung masyarakat Melayu, supaya tidak tenggelam dalam arus pemodenan dan kemajuan. Persekitaran dan masalah mereka amat unik, sudah tentu bentuk jati diri mereka juga unggul dan tidak mudah rapuh.

RUJUKAN

- Low Guat Tin. 1993. *Successful Women in Singapore: Issues, Problems and Challenges*. Singapore: EPB Publishers.
- Department of Statistics. 1957. *Census of Populations*. Singapore.
- Department of Statistics, 1970. *Census of Populations*. Singapore.
- Department of Statistics, 1980. *Census of Populations*. Singapore.
- Department of Statistics. 1991. *Census of Population 1990. Advance Data Release*. Singapore.
- Fadilah Hassan. 1992. *Siswazah Wanita Melayu: Perkahwinan dan kekeluargaan*, Kajian Akademik, NUS.
- Wee, Ann. 1993. *Older Women: From Colonial Times to Present Day*. Dlm. Aline Wong & Wai Kum Leong, *Singapore Women: Three Decades of Change*. Singapore: Times Academic Press.
- Wong, A. 1975. *Women in Modern Singapore*. Singapore: Singapore University Press.
- Wong, Aline K. & Leong Wai Kum. 1993. *Singapore Women: Three Decades of Change*. Singapore: Times Academic Press.

Nanyang Technological University  
National Institute of Education  
469 Bukit Timah Road  
Singapore 1025  
Republic of Singapore

